

05 SEP 2001

SEA-Hishammuddin (Atlit)

HISHAMMUDDIN JUGA MINTA ATLIT KETEPIKAN PERKARA REMEH

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein mengulangi ingatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada atlit negara supaya mengetepikan perkara-perkara remeh menjelang Sukan SEA ke-21 bermula Sabtu ini.

"Ini penting bagi menjamin prestasi dan imej kontinjen negara tidak tercemar. Apa-apa yang terbuku di hati simpan sehingga selesai Sukan SEA," katanya selepas menyampaikan hadiah pertandingan imej komputer Sukan SEA ke-21 di sini hari ini.

Beliau berkata dalam keadaan berkampung, atlit tidak sewajarnya terlalu mengutamakan perkara yang boleh menjejaskan prestasi mereka.

"Kalau tak mampu menghadapi tekanan saya rasa mereka mereka tidak akan mampu untuk bersaing. Saya percaya mereka boleh menerima amanat itu dengan ikhlas," katanya semasa diminta mengulas amanat Perdana Menteri mengenai perkara itu semasa beliau menemui atlit negara semalam.

Dalam pertandingan imej komputer itu, hadiah pertama dimenangi oleh Yong Toh Kong, 29, kedua Meor Sony Hermi Sapelin, 24, dan ketiga Azmi Mohd Idris, 26.

-- BERNAMA

SHS MAI